PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

1– 15 Jun 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

**Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang mengucapkan Selamat Menyambut Tadau Kaamatan. Takziah kepada keluarga mendiang Toh Puan Goh Sin Yeng. Jasamu dikenang.**

# Rakyat P. Pinang dinafikan RM132 juta




**KETUA Menteri mengibarkan bendera Pasukan Peronda Sukarela (PPS) sambil ditemani barisan Exco Kerajaan Negeri dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud pada Majlis Pelancaran Kegunaan Bot-bot Keselamatan PPS Pantai Bersih, Telok Ayer Tawar, Seberang Perai Utara di sini baru-baru ini. Bot-bot tersebut akan digunakan bagi membantu pihak berkuasa memantau pesisir pantai sebagai satu usaha menjaga keselamatan para penduduk selain rutin pemantauan biasa PPS hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat.** ***Gambar oleh : MOHD. HAFIZ TAJUDIN.***

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Satu laporan polis telahpun dibuat baru-baru ini mengenai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang didakwa berhak menerima RM132 juta melalui penjualan kontrak konsesi Jambatan Pulau Pinang semasa tahun 1993.

Ahli Lembaga Pengarah perbadanan itu, Phee Boon Poh mendakwa, PDC yang sepatutnya berhak mendapat 15 peratus daripada penjualan konsesi itu langsung tidak mendapat sebarang bayaran sebelum ini.

"Saya membuat laporan ini supaya polis akan menyiasat sama ada (wujud) apa-apa unsur jenayah yang terlibat," ujarnya selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut, Jalan Patani di sini pada 24 Mei lepas.

Beliau berkata, Jambatan Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBSB) sepatutnya mendapatkan reaksi PDC terlebih dahulu sebelum mengumumkan langkah melanjutkan tempoh kutipan tol dari 2018 ke 2038 memandangkan perbadanan itu salah satu pemegang saham berwajib.

Justeru katanya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang membantah inisiatif PBSB melanjutkan kadar tol walau atas alasan meluaskan jambatan pertama itu sekalipun.

"Kami (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) membantah keputusan PBSB ke atas peluasan (dengan melanjutkan tempoh bayar tol), yang bertentangan dengan kepentingan awam, terutama penduduk Pulau Pinang," ujar beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.

Ahli Lembaga Pengarah PDC yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng turut bersama-sama Boon Poh semasa laporan polis dibuat.

Bercakap pada sidang media yang sama, Hock Seng menjelaskan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada tahun 1993 telahpun mengarahkan syarikat konsesi bernama Mekar Idaman Sdn. Bhd. untuk memberi 15 peratus pegangan ekuiti kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PDC.

"Pada tahun 1995, Syarikat Intria Berhad membeli lebih (kepentingan dari) Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. dan akhirnya mengambil alih kontrak konsesi Jambatan Pulau Pinang.

"Sebagai pemegang ekuiti 15 peratus (dalam) Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd., PDC ketika itu berhak mendapat (bayaran pada kadar) 15 peratus daripada jualan konsesi atau RM132 juta," kata Hock Seng.

Difahamkan, jambatan pertama yang dibina oleh kerajaan pusat itu menelan kos sebanyak RM943.54 juta.

Kerja-kerja penyelenggaraan jambatan itu kemudiannya diserahkan kepada LLM sejurus siap dibina pada 1 Jun 1982.

Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa menjadi Perdana Menteri telahpun melakukan beberapa langkah penswastaan aset kerajaan pusat, termasuk pemberian konsesi selama 25 tahun bermula dari 1 Oktober 1993 hingga 31 Mei 2018 kepada Syarikat Mekar Idaman.

Nilai konsesi yang dipersetujui oleh pentadbiran Dr. Mahathir semasa itu adalah sebanyak RM550 juta.

Pada tahun 1995, konsesi Jambatan Pulau Pinang itu berpindah tangan kepada Syarikat Intria Berhad pula sungguhpun EPU sejak tahun 1993 lagi telahpun mengarahkan 15 peratus ekuiti pemilik diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PDC.

Ini bermakna, PDC semasa itu mempunyai 15 peratus ekuiti atau 375,000 unit syer saham dengan kadar RM1.00 per syer sebagaimana yang ditetapkan pada 1 Februari 1994. Penyusunan semula keseluruhan kepentingan dari Mekar Idaman Sdn. Bhd. ke Syarikat Intria Berhad yang dimuktamad bermula pada tahun 1995, menurut harga belian semasa berjumlah RM880 juta.

Dari jumlah itu, pembayaran tunai sebanyak RM224,001,600. Manakala penerbitan saham biasa baru dalam Syarikat Intria Berhad pula sebanyak 157,036,642 unit dengan kadar RM4.05 sesaham.

Sehingga kini, hasil pungutan tol jambatan pertama berkenaan hampir mencecah RM176 juta pada setiap tahun. Dianggarkan angka hasil pengutan tol di jambatan tersebut melonjak sehingga RM5 bilion pada 31 Disember 2038 kelak.

Tuntas itu, unsur penyelewengan ekuiti yang didakwa wujud dalam konsesi Jambatan Pulau Pinang ini sehingga sekarang ini seolah-olah memberi gambaran bahawa hak rakyat Pulau Pinang sedang dinafikan oleh kerajaan pusat.

# Dakwaan 18,000 Melayu hijrah karut



MANSOR Othman (kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim menunjukkan keratan akhbar berhubung dakwaan tidak berasas penghijrahan orang Melayu Pulau Pinang pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - "Dakwaan bilangan penduduk Melayu di negeri ini yang makin susut adalah mengarut," tegas Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bagi mengulas laporan akhbar arus perdana, Berita Harian bertarikh 21 Mei 2012 yang mendakwa bahawa lebih 18,000 orang Melayu Pulau Pinang telah berhijrah ke negeri lain antara 2009 hingga 2010 akibat tidak mampu menampung kos sara hidup terlalu tinggi di sini baru-baru ini.

Mansor berkata, jumlah penduduk mencatatkan penambahan dan ianya adalah berdasarkan sumber Jabatan Perangkaan Malaysia menerusi Buku Laporan Statistik Utama Pulau Pinang 2010.

"Terdapat penambahan penduduk apabila 616,400 (2008) bertambah kepada 636,100 (2010) orang. Selain itu, Data Pemilih Induk dari 2008 hingga suku tahun ketiga 2011 menunjukkan bahawa penambahan pengundi Melayu meningkat mendadak di Pulau Pinang iaitu sebanyak 38,502 orang.

"Pada tahun 2008, pengundi Melayu adalah sebanyak 239,772 orang dan pada suku tahun ketiga 2011 (278,274 orang). Ini jelas membuktikan bahawa dakwaan seramai 18,000 orang Melayu berpindah dari negeri ini adalah meleset sama sekali," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

Dalam pada itu, menurut kenyataan dikeluarkan Setiausaha Politik kepada Setiausaha Agung DAP, Zairil Khir Johari di Kuala Lumpur baru-baru ini menyatakan bahawa laporan yang memetik mantan Timbalan Ketua Menteri I, Mohammad Fairus Khairuddin sebagai berkata bahawa hasil kajian tersebut "membuktikan Bumiputera Pulau Pinang dipinggirkan secara halus oleh Kerajaan Negeri pimpinan DAP" adalah amat diragui dan bercanggah dengan perangkaan daftar pengundi negeri sejak 2008 hingga 2011.

"Kesahihan dakwaannya (Mohammad Fairus) adalah amat diragui yang mana perangkaan dalam daftar pengundi membuktikan bahawa bilangan pengundi Melayu di Pulau Pinang telah bertambah dengan begitu banyak sekali.

"Saya tidak tahu apa niat sebenar Mohammad Fairus, tetapi adalah jelas bahawa nada yang digunakannya berunsur perkauman. Sekiranya logik Mohammad Fairus yang mengaitkan penghijrahan orang dengan penindasan perkauman itu benar, adakah ianya bermaksud bahawa jika terdapat pengurangan atau penghijrahan bukan Melayu di negeri-negeri lain, maka mereka telah dipinggirkan oleh kerajaan negeri masing-masing?" jelas beliau.

Beliau memberitahu bahawa tindakan Mohammad Fairus jelas membuktikan bahawa sekadar menggunapakai logik yang tidak berasas untuk memainkan sentimen perkauman.

"Pendirian yang berbaur perkauman ini adalah amat tidak bertanggungjawab dan hanya mendedahkan belangnya sebagai seorang hipokrit kerana menyerang kerajaan yang pernah disertainya setelah gagal menjalankan tugasnya sebagai timbalan ketua menteri dengan baik,'' tegas Zairil.

Umum mengetahui bahawa semua dasar Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang adalah dasar-dasar yang bersifat adil kepada semua tanpa mengira warna kulit atau agama.

Pelbagai rancangan dan program telah dilaksanakan untuk membantu warga Pulau Pinang untuk menampung kos kehidupan termasuk bantuan-bantuan kebajikan dan tabung perumahan mampu milik berjumlah RM500 juta yang akan digunakan untuk menyediakan perumahan mampu milik di seluruh negeri Pulau Pinang. Tambahan kepada fasa pertama perumahan mampu milik di Batu Kawan, Kerajaan Negeri juga telah mengumumkan fasa kedua yang akan membabitkan kawasan-kawasan pulau seperti di Daerah Timur Laut dan Barat Daya.

**SINDIR MUTIARA**

Oleh: **SAM**



# "Saya tak layak" - Guan Eng




**KETUA Menteri menunjukkan keratan laporan akhbar yang telah memutar-belitkan kenyataan Karpal Singh di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** "Saya tidak berminat untuk jadi Perdana Menteri, tak layak pun," ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika diminta mengulas berhubung 'kenyataan' Pengerusi DAP, Karpal Singh mengenai perjuangannya untuk memastikan individu bukan Melayu menyandang jawatan Perdana Menteri baru-baru ini.

Guan Eng pada majlis sidang medianya di sini baru-baru ini menegaskan bahawa kenyataan tidak rasmi Karpal bahawa jawatan Perdana Menteri tidak semestinya disandang oleh Melayu telah menjadi 'buah' bagi akhbar-akhbar arus perdana milikan UMNO untuk memutar-belitkan kenyataan tersebut.

Guan Eng yang juga Setiausaha Agung DAP berkata, Karpal tersasul ketika mengeluarkan kenyataan tersebut dan ia telah dibangkitkan sebagai isu besar.

"Beliau (Karpal) tersasul ketika mengeluarkan kenyataan dan saya rasa ia tidak perlu diperbesarkan. Ini hanya satu propaganda oleh sesetengah media,'' jelas beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa ramai lagi individu yang layak menyandang jawatan berkenaan.

"Cukuplah saya sebagai Ketua Menteri," katanya yang turut menyatakan bahawa beliau tidak pernah berhasrat dan berminat untuk menyandang jawatan tersebut.

Lanjutan itu, beliau turut menyatakan bahawa Pakatan Rakyat (PR) masih berpegang teguh pada pendirian bahawa Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim lebih layak menyandang jawatan Perdana Menteri jika PR berjaya menakluki Putrajaya pada Piliharanraya Umum ke-13 (PRU13).

# Kenyataan Nor Mohamed cuba takutkan Melayu

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KUALA LUMPUR -** Sejarah Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511M kononnya akan berlaku di Malaysia jika UMNO kalah pada pilihanraya umum ke-13 adalah dakyah Nor Mohamed Yakcop semata-mata, kata Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Ketua Menteri itu berkata, Nor Mohamed yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) tidak berbeza dengan Perkasa Pribumi Negara (Perkasa) kerana menggunakan sahutan perkauman "Ketuanan Melayu" dengan ugutan dan taktik ketakutan.

"Barisan Nasional (mahu) mengekalkan kuasa dalam pilihan raya umum yang akan datang (bak) hitam akan menjadi putih dan putih akan menjadi hitam seperti yang ditunjukkan oleh *New Straits Times* dan Utusan Malaysia yang terpaksa meminta maaf kerana menyiarkan berita palsu.

"Sepatutnya Pakatan Rakyat (PR) yang menuduh Barisan Nasional dan Suruhanjaya Pilihanraya (cuba serah kedaulatan negara kepada pihak asing) atas kehadiran pengundi hantu yang diragui, termasuk warga asing yang didaftarkan sebagai pemilih (SPR)," ujar beliau di dalam satu kenyataan baru-baru ini di sini.

Dari segi yang lain, beliau berkata, kenyataan berunsur perkauman yang diluahkan oleh Nor Mohamed sekaligus menyerlahkan bahawa pemimpin UMNO berkenaan "tidak mempedulikan pengundi bukan Melayu".

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut mencabar Nor Mohamed Yakcop yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor supaya mengemukakan bukti mengenai dakwaan PR ada membatalkan projek-projek tertentu berkaitan kepentingan Melayu yang telahpun diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang era Barisan Nasional.

"Bolehkah Tan Sri Nor menyenaraikan program-program yang telah dilaksanakan oleh mantan Ketua Menteri Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan telah dibatalkan oleh Kerajaan Negeri PR," soal beliau.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang era PR sejak Mac 2008 lepas telahpun membelanjakan lebih RM50 juta untuk program-program yang membabitkan kepentingan rakyat terbanyak.

Program-program tersebut antaranya sumbangan RM100 setahun untuk warga emas, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal serta pelajar tahun 1 dan 4, Tingkatan 1 dan 4.

Itu, tidak termasuk sumbangan RM1,000 kepada waris warga emas meninggal dunia, calon mahasiswa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dari keluarga berpendapatan isi rumah kurang dari RM4,000.

Ujar beliau lagi, Kerajaan Negeri turut membasmi kemiskinan di Pulau Pinang dengan mencukupkan pendapatan isu rumah sekurang-kurangnya RM600 sebulan.

Tuntas dari itu, Guan Eng berkata, ucapan Nor Mohamed yang ghairah menajamkan soal Ketuanan Melayu sekaligus meletakkan pemimpin UMNO berkenaan saling tak tumpah seperti kumpulan pendesak Perkasa yang mengamalkan politik perkauman melampau.

# Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat sentiasa adil kepada semua.

## Pemilik Restoran DOREMI, Johar Ismail :

- Mohon maaf kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri kerana publisiti negatif .
- Kesal dengan kesempatan yang diambil orang-orang dan organisasi tertentu sehingga beri publisiti negatif kepada Kerajaan Negeri.
- Ucap terima kasih di atas sumbangan RM20,000 Kerajaan Negeri.

21 Mac 2012

Johar Bin Ismail
D-5-1 Fasa 2, Flat Uda
Tanjung Tokong
10470 Pulau Pinang
K/p : 760120-07-[illegible]

YAB TUAN LIM GUAN ENG
Ketua Menteri Pulau Pinang
Tingkat 28, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

YAB,

PER: PENYELESAIAN MASALAH GERAI DOREMI

Saya seperti nama dan alamat di atas mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan YAB Ketua Menteri dan YB Dato' Timbalan Ketua Menteri 1 sebanyak RM20 ribu dan juga bantuan dan nasihat daripada YB Haji Abdul Malik kepada saya berhubung dengan persetujuan saya mengosongkan premis restoran 'DOREMI'. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menawarkan seunit gerai di kompleks gerai Bayu Senja di Batu Feringghi tetapi malangnya perniagaan restoran saya tidak sesuai dengan tapak gerai di kompleks itu.

Saya juga merasa kesal atas publisiti negatif yang telah diadakan dan ini telah diambil kesempatan oleh orang-orang dan organisasi tertentu.

Saya juga memohon maaf kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas publisiti negatif dan kejadian-kejadian yang tidak diingini yang telah berlaku akibat tindakan di atas kerja penguatkuasaan terhadap premis restoran yang lalu.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas keprihatinan yang diberi terhadap masalah saya dan keluarga saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

..............................
( Johar Bin Ismail )
K/P : 760120-07-[illegible]
Akaun No : [illegible]
Nama Bank : [illegible]



PENGERUSI Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) bersama Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bersalaman dengan Johar Ismail yang kesal dengan publisiti negatif babitkan Kerajaan Negeri.

**Rakyat Pulau Pinang jangan sesekali percaya fitnah-fitnah jahat yang dapat memecah-belahkan keharmonian negeri.**

# PR belanja wajar demi rakyat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PENAGA -** Sebuah gelanggang 3 dalam 1 - futsal, takraw dan bola jaring - yang bakal dibina di Kampung Guar Tuan Syed, di sini menjadi satu lagi rekod Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang prihatin dengan masyarakat luar bandar di negeri berkenaan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, sejumlah RM150 ribu diperuntukan untuk membina "Gelanggang Sukan Rakyat" di atas tanah milik Kerajaan Negeri.

"Majlis Pecah Tanah Gelanggang Sukan Rakyat ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang yang berjiwa rakyat dan sangat mengambil berat mengenai kehendak dan keperluan masyarakat terutama di luar bandar," ujar beliau baru-baru ini semasa majlis perasmian di sini.

Beliau berkata, sebanyak 10 pemaju telah memasukan tender projek tersebut dan MBN Teguh Enterprise dipilih melalui tender terbuka kerana pemaju berkenaan mengemukakan sebut harga paling kompetitif.

Pembinaan projek berkenaan, menurut beliau, sekaligus menolak dakwaan pembangkang Pulau Pinang kononnya Kerajaan Negeri boleh memperoleh lebihan bajet (*surplus*) kerana tidak menggunakan perbelanjaan mengurus dan pembangunan secara wajar.

Menurut beliau, perbelanjaan negeri era PR meningkat 54.45 peratus menjadi RM2.142 bilion dalam tahun 2008 hingga 2011 berbanding empat tahun sebelumnya (2004 - 2007) di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN), iaitu berjumlah RM1.387 bilion sahaja.

"Projek (Gelanggang Sukan Rakyat) ini salah satu bukti kita berbelanja (bajet pembangunan) lebih banyak daripada kerajaan BN (Pulau Pinang).

"Keupayaan Kerajaan Negeri membina gelanggang ini adalah hasil urus tadbir kerajaan secara bersih dan tidak mengamalkan rasuah seperti mereka (BN)," ujar beliau.

Mewakili penduduk setempat, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga, Rosidi Husain semasa berucap melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri.



**KETUA Menteri menyempurnakan gimik pecah tanah Gelanggang Sukan Rakyat Penaga di sini baru-baru ini.**

"Gelanggang seumpama ini adalah kali pertama didirikan di sini sungguhpun berpenggal-penggal wakil rakyat UMNO mewakili KADUN ini.

"Dengan adanya gelanggang ini hasil sokongan Kerajaan Negeri khususnya Y.A.B Ketua Menteri (Guan Eng), saya berharap dapat mendekatkan golongan muda-mudi di sini dengan gaya hidup yang lebih sihat," ujarnya.

Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU) Jusni Ismail turut hadir pada majlis perasmian itu.

# WiFi percuma untuk semua, pertama di Malaysia



**UPACARA perasmian di Bagan, Seberang Perai Utara.**



**KETUA Menteri meletakkan pelekat perkhidmatan WiFi percuma sambil diperhatikan barisan Exco dan ADUN Bagan Dalam di Medan Selera Terminal Bas Butterworth.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Sekali lagi, Pulau Pinang muncul sebagai negeri pertama dalam negara menyediakan kemudahan perkhidmatan peranti perhubungan tanpa wayar atau WiFi percuma kepada rakyatnya.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, penyediaan perkhidmatan WiFi percuma adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa.

"Tiga tahun lalu, idea ini (perkhidmatan WiFi percuma) telah diilhamkan bagi membolehkan rakyat Pulau Pinang berpeluang untuk dihubungkan dengan informasi terkini secara percuma.

"Inisiatif ini adalah pertama di Malaysia, tidak pernah dilakukan di mana-mana negeri dengan matlamat menjadikan rakyat di negeri ini benar-benar pintar dan bermaklumat.

"Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri untuk mentransformasikan Pulau Pinang ke arah negeri bertaraf antarabangsa yang bukan sahaja boleh bersaing di peringkat kebangsaan tetapi di persada global," ujar Guan Eng dalam ucapan perasmian Jelajah WiFi Percuma Pulau Pinang Fasa 2 di sini baru-baru ini.

Sejumlah RM 8.5 juta telah dibelanjakan bagi menyediakan dan memasang 1,550 kawasan khas (*hotspot*) bagi seluruh negeri sejak tiga tahun lalu. Jumlah tersebut tidak termasuk 750 *hotspot* yang dipasang secara percuma pada Fasa 1 oleh syarikat penyedia perkhidmatan, REDtone International Berhad yang merupa komponen kepada inisiatif Wireless@Penang.

Sehingga April 2012, penggunaan '*bandwidth*' adalah sehingga 45 megabait per saat (Mbps) dan akan dipertingkatkan sehingga 50Mbps seperti yang dinyatakan dalam perjanjian ditandatangani sebelum ini.

Kini, terdapat lebih daripada 200,000 pengguna berdaftar bagi perkhidmatan WiFi percuma. Daripada jumlah tersebut sejumlah 70% pengguna adalah berusia 30 tahun ke bawah.

Tambah Guan Eng, melalui kerjasama pelbagai pihak, Kerajaan Negeri telahpun melancarkan 750 *hotspot* lagi bagi Fasa 2.

"*Hotspot* ini melibatkan kesemua 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan setiap kawasan dibekalkan sekurang-kurangnya 10 *hotspot* di kawasan tumpuan umum," jelas beliau.

# Rakyat kaya jika PR kekal memerintah - Guan Eng

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BALIK PULAU -** Usaha menggandakan sumbangan langsung kepada rakyat akan terus menjadi agenda utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang jika Pakatan Rakyat (PR) terus menerima mandat kukuh pada pilihanraya umum ke-13, kata Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Ketua Menteri berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Penyampaian Sumbangan RM200 Program Anak Emas Fasa Empat Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

"(Pemimpin) UMNO kata (Kerajaan Negeri) akan bankrap... Mana ada kerajaan yang amanah jadi bankrap kerana banyak menyumbang kepada rakyatnya sendiri.

"Kerajaan Pulau Pinang yang amanah tak bankrap apabila cari duit dan sumbang pada rakyatnya. Kalau perintah Putrajaya nanti pun, budaya amanah ini akan mengkayakan rakyat," ujar beliau di Dewan Balora Mastika, di sini.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain, Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Sim Tze Tzin (Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak), Koid Teng Guan (ADUN Sungai Pinang) turut hadir pada program mesra rakyat



**SALAH seorang penerima bagi peringkat Daerah Timur Laut.**

tersebut. Turut hadir, Pegawai Penyelaras Kawasan DUN (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Hasnah Hashim (PPK Bayan Lepas).

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, sebuah kerajaan tidak akan kekal lama apabila amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dilakukan oleh pemerintah serta disedari rakyat.

Seramai 714 anak emas baru lahir yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri menerima sumbangan RM200 setiap seorang. Itu, tidak termasuk 1,409 anak emas lain yang menerima sumbangan dalam fasa yang sama peringkat Daerah Timur Laut.

Difahamkan, seramai 6,339 anak




**KETUA Menteri mendukung salah seorang anak emas sambil diperhatikan ibu bapanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Penghargaan Program Anak Emas Fasa Keempat Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.**

emas berdaftar menerima sumbangan dalam empat program berbeza di kedua-dua daerah berkenaan.

Selain program Anak Emas, Kerajaan Negeri turut menyumbang RM100 setiap tahun kepada warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU). Malah, Kerajaan Negeri turut menyumbang RM1,000 kepada waris warga emas meninggal dunia.



**SALAH seorang penerima bersalam dengan Abd. Halim Hussain (kiri sekali) selepas menerima sumbangan RM200 daripada Kerajaan Negeri.**

"Sekarang, kita sedang berusaha untuk memberi RM100 kepada seluruh pelajar darjah satu dan empat (serta) tingkatan satu dan empat sungguhpun cuba dihalang oleh pihak tertentu dari (kerajaan) pusat dan di sesetengah sekolah sendiri," ujarnya lagi.

---

# Semarak Al-Quran lahir wasathiyyah, kata Mansor

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Mansor Othman menyeru seluruh Umat Islam di negeri berkenaan supaya terus menyemarakkan semangat cintakan al-Quran.

Bercakap pada Majlis Sambutan Bulan-Bulan al-Quran yang diraikan buat tahun ketiga berturut-turut oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini, beliau berkata, semangat al-Quran akan melahirkan kesederhanaan yang tulus dalam kalangan ummat.

"Saya yakin, usaha menyemarakkan budaya cinta pada al-Quran di negeri Pulau Pinang ini akan diberkati Allah s.w.t.

"Al-Quran sebenarnya mengajar umat supaya hidup secara seimbang di antara kehidupan dunia dan kehidupan akhirat dengan konsep 'wasathiyyah' atau kesederhanaan (yang tulen) sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w (yang bermaksud), 'Sebaik-baik perkara adalah pertengahan (wasathiyyah)," ujar beliau di Masjid Negeri Pulau Pinang, di sini.

Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Mohd Shariff selaku tetamu utama turut hadir pada majlis tersebut.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hussain, Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang), Datuk Mokhtar Jait (Pegawai Kewangan Negeri) serta dif-dif kehormat lain.

Wacana minda mengenai keistimewaan al-Quran disampaikan oleh Ahli Parlimen Baling, Taib Azamudden Md Taib.

Perayaan Bulan-Bulan al-Quran kali ini diraikan selama empat bulan bermula Mei lepas.

Seminar al-Quran, Celik al-Quran, Tahsin al-Quran, Hafazan dan Talaqi al-Quran, kelas bahasa Arab serta majlis bacaan kitab 'Ta'zimul Quran karangan Sheikh As'ad Muhammad Said Al-Dhoghori merupakan antara program menarik sepanjang tempoh sambutan Bulan-Bulan al-Quran.

Sambutan yang masuk tahun ketiga diraikan di Pulau Pinang sekaligus membuktikan iltizam Kerajaan Negeri dalam memartabatkan Islam di negeri berkenaan.



**MANSOR Othman menyampaikan ucapan mengenai keistimewaan Bulan-Bulan al-Quran pada Majlis Sambutan Bulan-Bulan al-Quran di Masjid Negeri di sini baru-baru ini.**

# Kerajaan Negeri hargai bakat anak muda



MOHD. Faizal Abd. Wahab (kiri), Tan Yin Keat (tengah) dan Tan Yin See (kanan) menunjukkan sijil penghargaan daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Sebagai penghargaan dan pengiktirafan hasil pencapaian cemerlang, baru-baru ini telah berlangsung Majlis Penyampaian Sumbangan Penghargaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada individu cemerlang dan pencipta muda cemerlang di sini.

"Kerajaan Negeri menghargai semangat dan pencapaian yang dicapai oleh warga Pulau Pinang tidak kira sama ada dalam lapangan sukan mahupun teknologi perkomputeran.

"Kita (Kerajaan Negeri) berasa amat bangga kerana mereka tidak kenal istilah putus asa dan akhirnya membuahkan hasil," ujar Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dalam sidang media khas yang diadakan di pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan agar lebih ramai belia mengikut jejak langkah penerima-penerima sumbangan penghargaan berkenaan.

Dalam pada itu, Mohd. Faizal Abdul Wahab, 29, ketika ditemui berkata, minat yang mendalam telah mendorong beliau mempelajari bidang teknikal berbasikal dan telah menceburi sukan berbasikal seawal usia 16 tahun.

"Sekarang ini susah nak dapat (individu) yang komited.

"Saya dah (sudah) melatih beberapa individu, tetapi tak ada satu pun yang boleh diketengahkan," ujar Faizal yang turut menegaskan bahawa disiplin dan semangat merupakan prinsip asas untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi termasuk melahirkan mekanik profesional dalam sukan berbasikal.

Bagi adik-beradik, Tan Yin See, 35, dan Tan Yin Keat, 27, usaha mencipta aplikasi sistem operasi iOS untuk iPad iaitu *ARMS Point of Sale and Retail Management System – iOS Restaurant Point of Sale System* yang pertama di dunia akhirnya membuahkan hasil.

"Kami mengambil masa lebih kurang tiga bulan untuk siapkan aplikasi ini.

"Kini, ia dijual pada harga USD39.99 atau lebih kurang RM120.00 di pasaran," ujar Yin Keat mewakili syarikat miliknya, Websmith ATP Sdn. Bhd. yang turut memenangi Anugerah *Most Promising Icon2 Development* bersempena penganjuran *KLCC GoMobile Exhibition* di Kuala Lumpur Mei lalu.

Ketiga-tiga anak muda terbabit masing-masing menerima sumbangan bernilai RM500 berserta sijil penghargaan yang disampaikan Guan Eng.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.



SALAH satu aksi menarik para peserta dalam Pertandingan Muay Thai Cabaran Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

## Pasukan Muay Thai Butterworth paling hebat

**TANGKAS…** Pertandingan Muay Thai Cabaran Pulau Pinang yang julung kali diadakan di Esplanade, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini telah berjaya menarik penyertaan 14 peserta dari lapan kelab sukan tinju terbabit yang bertapak di Kedah, Pulau Pinang dan Thailand.

Pertandingan yang menawarkan hadiah wang tunai melebihi RM4,000, medal dan sijil tersebut turut diserikan dengan Boran Muay Thai yang dipersembahkan oleh dua jaguh Muay Thai dari Kedah.

Acara kemuncak pada malam berkenaan menyaksikan Qaled Sepelek dari Kelab Sepelek Butterworth berjaya mengalahkan Suwalek, peserta dari Thailand pada pusingan keempat dengan kemenangan 'K.O'. Dalam pada itu, pertandingan secara *tag team* atau beregu diakhiri dengan keputusan seri di antara Kelab Sepelek Butterworth dan Kelab Langkasuka dari Kedah.

Pertandingan tersebut mendapat kerjasama erat Persatuan Muay Thai Malaysia yang dikelola oleh Boxx Tomoi Perlis serta mendapat pengiktirafan daripada Persatuan Muay Thai Asia.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Muhammad Sabri Md. Osman dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

## *Peace Corps* kembali ke tanah air

**SEBERANG JAYA -** Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) melancarkan Kempen Membaca Peringkat Negeri serentak dengan Perayaan Ulang Tahun Ke - 50 *Peace Corps* Malaysia di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian pelancaran tersebut disempurnakan Timbalan Pengerusi Lembaga PPAPP, Datuk Mohd. Salleh Man bersama-sama Paul A. Brown (Kaunselor Ekonomi di Kedutaan Amerika Syarikat) di Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang, di sini.

Mohd. Salleh berkata, semoga karnival membaca yang diraikan selama sebulan itu dapat memartabatkan budaya ilmu dalam kalangan warga Pulau Pinang sebagaimana dihasratkan Kerajaan Negeri.

"Bukan mudah untuk memupuk masyarakat membudayakan ilmu kerana ini bukanlah peranan dan tanggungjawab sesebuah agensi sahaja, tetapi merupakan peranan pemimpin masyarakat serta (memerlukan) sokongan daripada semua pihak," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir.

Brown turut berucap pada majlis tersebut.

Selain Pengarah PPAPP, Shukriah Yon, kira-kira 200 orang termasuk pelajar sekolah rendah turut hadir pada majlis itu.

Difahamkan, kempen membaca berkenaan meliputi 107 perpustakaan yang berpusat di Perpustakaan Utama dekat Seberang Jaya. Enam perpustakaan cawangan, iaitu di George Town, Balik Pulau, Jawi, Bukit Mertajam, Bertam dan Perputakaan Kanak-Kanak Pulau Pinang (dekat George Town) turut menganjurkan kempen membaca. Sebanyak 83 perpustakaan desa serta 12 perpustakaan bergerak, termasuk dua pusat untuk orang kurang upaya (OKU) yang lain turut serta dalam karnival tersebut.




(Dari kanan), SHUKRIAH Yon, Paul A. Brown dan Mohd. Salleh Man memerhatikan bahan-bahan pameran bersempena Kempen Membaca Peringkat Negeri serentak dengan Perayaan Ulang Tahun Ke - 50 *Peace Corps* Malaysia anjuran PPAPP di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Mohd Salleh turut mengalu-alukan inisiatif *Peace Corps* untuk kembali ke tanah air sejak Januari lepas menerusi program *English Teaching Assistants* (ETA).

"Pameran foto sempena 50 tahun *Peace Corps* di Malaysia dengan '*Lincoln Corner Penang*' turut dianjurkan di ruang legar Perpustakaan (Utama) Seberang Jaya selama dua minggu bermula pada 23 Mei lalu," ujarnya.

*Peace Corps* adalah program sukarelawan yang diasaskan Presiden John F. Kennedy pada tahun 1961. Manakala, Malaysia menerima partisipasi *Peace Corps* selama 21 tahun bermula pada tahun 1962.

# Kongres platform kukuh hubungan



V. Enrique Quesada B (dua dari kiri) menyampaikan plak cenderahati kepada Ketua Menteri sambil diperhatikan Marco G. Battistotti (kiri sekali) dan Gerald S.A. Perez (kanan sekali) pada *41st International Association of the Travel and Tourism Professionals (SKAL) Asia Congress* di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Penganjuran *Kongres International Association of the Travel and Tourism Professionals (SKAL) Asia Ke-41 (41st International Association of the Travel and Tourism Professionals (SKAL) Asia Congress)* di sini baru-baru ini menyediakan platform terbaik kepada semua ahli kelab dan para peserta untuk mengukuhkan hubungan di antara satu sama lain.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyerikan acara berkata, penganjuran tersebut pada masa sama mampu menawarkan peluang perniagaan lebih besar di antara satu sama lain agar suatu hari nanti SKAL mampu meraih kedudukan lebih tinggi di Asia.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menyatakan bahawa George Town telah diiktiraf *Employment Conditions Abroad (ECA) International* sebagai bandaraya yang paling sesuai didiami di Malaysia.

"ECA telah mengiktiraf George Town sebagai bandar paling sesuai didiami di Malaysia dengan kedudukan tangga ke lapan di Asia dan 73 di peringkat global. Pencapaian tersebut adalah julung kali dicapai pada 2011 dengan Pulau Pinang mendahului Kuala Lumpur," ujarnya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Pada masa sama, beliau menambah bahawa Pulau Pinang juga merupakan sebuah negeri yang berteraskan pembuatan dan lokasi pelaburan.

"Pulau Pinang berada di tangga pertama pada 2010 dan 2011 pada aspek pelaburan. Kita (Pulau Pinang) juga sedang berusaha untuk mencapai taraf sebuah bandaraya antarabangsa berteraskan kecekapan, akauntabiliti, kejelasan, kualiti, kebolehpercayaan, keselamatan, kemampanan dan integriti," jelas beliau.

Hadir sama, Presiden SKAL Antarabangsa, V. Enrique Quesada B, Presiden SKAL Antarabangsa (Penang), Marco G. Battistotti dan Presiden SKAL Asia, Gerald S.A. Perez.

## 80 penduduk Sg. Nibong Pantai dapat pampasan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SUNGAI NIBONG –** Seramai 80 penduduk kampung Sungai Nibong Pantai mampu menarik nafas lega apabila perbincangan pampasan dengan JKP Sdn. Bhd. selaku pemaju telah menemui jalan penyelesaian di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin berkata, proses pampasan telah berjaya diselesaikan apabila setiap penduduk bersetuju untuk menerima tawaran ganti rugi dikemukakan pihak pemaju.

"Saya gembira apabila perkara ini selesai akhirnya setelah ia berlanjutan sejak tahun 2007. Para penduduk terlibat telah bersetuju untuk menerima pampasan sebuah rumah setiap seorang.

"Rumah kedua juga turut ditawarkan kepada penduduk kampung dengan separuh harga iaitu RM42,000. Diharap projek ini akan berjalan lancar seperti dicadangkan," ujarnya ketika melawat tapak projek bersama wakil pemaju di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti, Idris Osman dan Jurutera Kanan JKP Sdn. Bhd., Hafiz Zaki.

Tze Tzin berkata, kawasan perkampungan terbabit bakal dimajukan menerusi projek pembangunan yang merangkumi dua fasa keseluruhannya.

"Fasa satu melibatkan sebuah blok 15 tingkat rumah pangsa kos rendah berserta lima unit rumah kedai. Manakala, bagi fasa dua, sebanyak 170 unit pangsapuri kos sederhana dan 33 unit rumah teres dua tingkat bakal dibangunkan di kawasan seluas 9.3 hektar.

Tambah beliau, pindaan keluasan rumah pangsa kos rendah yang turut dipersetujui oleh pemaju telah memberikan reaksi positif kepada penduduk kampung.

"Pelan asal rumah pampasan tersebut hanya berkeluasan 650 kaki persegi. Namun, selepas mendengar rayuan penduduk, keluasannya telah dibesarkan kepada 750 kaki persegi.

"Ini memberikan perkhabaran gembira buat mereka," ujarnya kepada Buletin Mutiara.



SIM Tze Tzin (enam dari kanan) mengadakan perbincangan bersama wakil pemaju selepas melawat tapak projek di perkampungan Sungai Nibong Pantai di sini baru-baru ini.



WOO Wing Thye.

## Syarahan PI tampil Prof. Tariq Ramadan

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN –** Buat kali ketiga, *Penang Institute* (PI) bakal menganjurkan syarahan *Penang in Asia* pada pertengahan Julai ini dengan menampilkan ahli pemikir dan falsafah Islam kontemporari terkemuka, Profesor Tariq Ramadan.

Pada ceramah berkenaan, Profesor Tariq bakal menyampaikan ceramah mengenai isu *Islam, Democracy and Human Rights : The Awakening Of The Muslim World*.

Pengarah Eksekutif PI, Profesor Woo Wing Thye berkata, semua siri syarahan *Penang in Asia* adalah bertujuan melibatkan para ulama terkenal, intelektual awam dan pemikir dari pelbagai bidang ke sini (Pulau Pinang) untuk membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan budaya, intelektual serta ekonomi Pulau Pinang dalam konteks Asia.

Mengulas lanjut mengenai latar belakang Profesor Tariq, Wing Thye menyatakan bahawa beliau merupakan seorang profesor Pengajian Kontemporari Islam di Universiti Oxford.

"Selain itu, beliau juga adalah seorang profesor pelawat di Fakulti Pengajian Islam (Qatar), Felo Penyelidikan Kanan di Universiti Doshisha (Kyoto, Jepun) dan Pengarah Pusat Penyelidikan Undang-undang dan Etika Islam (Doha, Qatar)," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai program tersebut boleh membuat pendaftaran awal melalui emel: *ivykwek@penanginstitute.org* atau hubungi talian 016 – 770 1187. Tarikh sebenar program akan dimaklumkan dalam tempoh terdekat.

# P. Pinang terajui hak kebebasan bersuara

**GEORGE TOWN –** *Citizen Journalists Conference* (CJMY) yang berlangsung selama tiga hari di Hotel Royal di sini baru-baru ini menjadi platform tepat kepada para wartawan untuk berkumpul, berbincang dan bertukar pendapat sejajar dengan berkembangnya arus media massa kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, wartawan memainkan peranan penting untuk dimainkan dalam dunia kewartawanan.

"Wartawan adalah penghubung dengan masyarakat. Mereka (wartawan) mestilah menghasilkan kandungan berita yang penuh sifat kemanusiaan, profesionalisme dan penuh integriti.

"Ada pepatah mengatakan bahawa mata pena itu lebih tajam daripada sebilah pisau. Oleh demikian, wartawan mestilah mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat umum dengan memaparkan kebenaran," katanya pada Majlis Pelancaran *Citizen Journalists Conference* (CJMY) di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, Pulau Pinang menerajui negeri-negeri lain pada aspek kebebasan bersuara yang merupakan hak asasi setiap manusia dan setiap rakyat di negara ini.

"Kebebasan bersuara di Pulau Pinang terbukti dengan terbentuknya *Speaker Square* di Padang Kota Lama sejak Mei 2010, malah, kita (Kerajaan Negeri) berbangga menyatakan bahawa di Pulau Pinang bukan sahaja kebebasan bersuara tetapi kebebasan selepas bersuara itu adalah lebih penting.

"Pulau Pinang menyaksikan bilangan tertinggi bantahan yang disuarakan (dalam negara) sejak Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk pemerintahan pada 2008. Tetapi, Kerajaan Negeri membiarkan mereka untuk menyuarakan rasa tidak puas hati selagi ianya dilakukan dalam keadaan dan suasana aman," ujar Guan Eng.




**AHLI-ahli persidangan tidak melepaskan peluang bergambar bersama Ketua Menteri pada *Citizen Journalists Conference* yang berlangsung di Hotel Royal baru-baru ini.**

Oleh demikian, beliau berharap CJMY dan generasi baru pengumpul berita dapat menjadi sebuah gerakan yang berani, boleh dipercayai, benar serta menjadi akar umbi supaya kebebasan akhbar boleh berkembang untuk kebaikan negara.

# Kerajaan pusat digesa tingkat tahap pengangkutan awam negeri

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menggesa kerajaan persekutuan agar meningkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang demi keselesaan masyarakat di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, intipati yang menggariskan pendekatan bagi menangani masalah pengangkutan di Pulau Pinang perlu distruktur semula dan dibentangkan.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap kerajaan persekutuan dapat membentangkan rancangan jangka pendek bagi menyelesaikan masalah pengangkutan awam khususnya di Pulau Pinang, kerana ia adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri dan kerajaan tempatan," ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta adalah Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Liew Chin Tong.

Tambah Kon Yeow, negara perlu merombak semula struktur pentadbiran bagi menentukan masa depan yang cerah kepada sektor pengangkutan di sini. Malah, beberapa perkara juga perlu diwujudkan dan dikuatkuasakan oleh kerajaan persekutuan.

"Kerajaan persekutuan perlu mengotakan kata-katanya untuk memberikan 200 buah bas baru kepada syarikat pengendali Rapid Penang sepertimana yang dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Kita (Pulau Pinang) juga masih menunggu penjelasan status terkini pelaksanaan monorel yang telah dicadangkan sebelum ini.



**CHOW Kon Yeow (tengah), Jeff Ooi Chuan Aun (kanan) dan Liew Chin Tong (kiri) menunjukkan kajian induk penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam, *Penang Transport Master Plan* (inisiatif Kerajaan Negeri) yang dijangka lengkap pada pertengahan Jun ini di sini baru-baru ini.**

"Manakala, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pula perlu menyegera dan melaksanakan sistem teksi bermeter. Sebuah stesen gas asli juga perlu dibina secepat mungkin di sini," jelasnya.

Di samping itu, Kon Yeow berkata, kesemua kerja penambahbaikan jalan oleh kerajaan persekutuan harus diselesaikan tanpa sebarang kelewatan terutamanya projek Teluk Kumbar - Genting dan jambatan kedua melibatkan Jalan Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang yang berhubung terus dengan Lebuhraya Tun Lim Chong Eu.

# Bas rosak tak dialih, LLM dikutuk

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUTTERWORTH -** Kerosakan sebuah bas kira-kira jam 2.00 pagi serta tidak dialihkan selama hampir lapan jam telah mengakibatkan kesesakan trafik yang luar biasa di Jambatan Pulau Pinang bermula pagi 24 Mei lepas.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng semasa diminta mengulas insiden tersebut, melahirkan rasa amarah terhadap pihak berwajib kerana tidak mengutamakan kepentingan pengguna jambatan berkenaan.




**(Dari kiri), ROZALI Mohamud, Lim Hock Seng, P. Ramasamy, Ketua Menteri, Ooi Chuan Aun dan Wee Chong Meng pada Majlis Perasmian WiFi percuma Peringkat DUN Perai di sini baru-baru ini.**

Beliau berkata, pihak pengurusan Jambatan Pulau Pinang sepatutnya tidak mengutip tol pada pagi tersebut memandangkan mereka gagal menjanjikan kemudahan perjalanan setimpal dengan kadar yang telahpun dibayar oleh pengguna.

"Kalau trafik sesak disebabkan kemalangan, tak boleh kutip duit tol. Ini menipu rakyat, ini menipu pengguna yang membayar tol.

"(Sehingga) jam 10 pagi, masih tak ubah (bas rosak). Jambatan Pulau Pinang ini bukan di bawah Kerajaan Negeri (Pulau Pinang), ini di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

"Kutip duit tol diutamakan, kualiti perkhidmatan diabaikan," ujar beliau pada satu sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran WiFi Percuma Peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perai di sini baru-baru ini.

Sidang akhbar itu turut disertai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Guan Eng berkata, pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak wajar melakukan sesuatu memandangkan LLM di bawah kerajaan pusat demi kepentingan pengguna Lebuhraya Pulau Pinang pada masa depan.

Dalam perkembangan yang sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof Dr P. Ramasamay, Ooi Chuan Aun (Pengerusi PDCTelco merangkap Ahli Parlimen Jelutong), Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandandarn Majlis Perbandaran Seberang Prai) serta Wee Chong Meng (Ketua Eksekutif REDtone) turut menyertai majlis pelancaran tersebut.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# SISTEM e-PINJAMAN PENUNTUT



## PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**Peringatan !**
**Unit Pinjaman Penuntut/Biasiswa tidak melantik mana-mana agen untuk mengutip atau memberi bayaran. Sebarang urusan hendaklah melalui Unit Pinjaman Penuntut, Tingkat 29, KOMTAR.**

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Pemohon dilahirkan di Pulau Pinang atau sekurang-kurangnya bersekolah selama 5 tahun di Pulau Pinang.
- Ditawarkan tempat di Universiti / Institut Pengajian Tinggi (IPT). Bagi pemohon dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta, kursus yang diikuti hendaklah diluluskan oleh MQA (Malaysian Qualification Agency /Agensi Kelayakan Malaysia).
- Pinjaman untuk kursus yang bertaraf Sijil, Diploma, Diploma PJJ, Ijazah Pertama, Ijazah PJJ, Sarjana dan PHD.
- Pemohon yang sedang mengikuti kursus PraUniversiti / Matrikulasi tidak layak memohon.
- Pinjaman Kali Ke-2 hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah menyelesaikan bayaran balik pinjaman pertama.
- Permohonan adalah secara online.
- Sila lampirkan dokumen-dokumen yang telah **DISAHKAN BENAR** seperti berikut : :
  1. Salinan Kad Pengenalan dan Surat Beranak/Sijil Kelahiran
  2. Salinan Surat Tawaran Kemasukan Dari Universiti/Institusi
  3. Salinan Sijil Berhenti Sekolah, dan Surat Akaun (Testimonia)
  4. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) dan lain-lain sijil yang setaraf
  5. Salinan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan lain-lain sijil yang setaraf (Jika Ada)
  6. Salinan Sijil Politeknik/Diploma/Ijazah dan sebagainya (Jika Ada)
  7. Salinan Keputusan Matrikulasi/Asasi Sains (Jika Ada)
  8. Salinan Keputusan Peperiksaan bagi Tiap-tiap Tahun Akademik Penggal/Semester (Jika Ada)
  9. Pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan kolej dan kursus yang dikeluarkan MQA (Malaysia Qualification Agency/Agensi Kelayakan Malaysia). (salinan tersebut boleh diperolehi dari IPTS berkenaan)
- Jumlah pinjaman yang ditawarkan mengikut taraf kursus:

| | |
|---|---|
| Ijazah Sains | RM 5,000 setahun |
| Ijazah Sastera | RM 4,000 setahun |
| Diploma Lanjutan Sains | RM 5,000 setahun |
| Diploma Lanjutan Sastera | RM 4,000 setahun |
| Diploma | RM 3,000 setahun |
| Sijil | RM 2,000 setahun |

- Pinjaman juga diberikan kepada Pelajar Pengajian Jarak Jauh dan Luar Kampus dengan kadar:

| | Kadar (Setahun) | Jangkamasa (Maksimum) |
|---|---|---|
| Ijazah (Sains) | RM 4,500 | 5 tahun |
| Ijazah (Sastera) | RM 3,500 | 4 tahun |
| Diploma | RM 2,000 | 3 tahun |

- Pinjaman kepada pengajian peringkat Sarjana dan PhD (pengajian dalam negeri sahaja):

| | Kadar (Setahun) | Jangkamasa (Maksimum) |
|---|---|---|
| Sarjana | RM 5,000 | 3 tahun |
| PHD | RM 5,000 | 3 tahun |

- Faedah yang dikenakan 2% (setahun) selama 5 tahun
- Dua(2) Orang Penjamin Bergaji RM1,000 ke atas diperlukan apabila Surat Perjanjian ditandatangani.
- Permohonan boleh dibuat secara *Online* di Laman Web berikut : http://epp.penang.gov.my
- Tarikh Buka Permohonan: 2 Mei, setiap tahun.
- Tarikh Tutup Permohonan: 31 Julai, setiap tahun
- Sila pastikan anda mengisi permohonan pinjaman dalam tempoh 3 hari selepas pendaftaran. Kemaskini borang adalah **3 HARI** dari tarikh pendaftaran dibuat. Sila **CETAK** borang permohonan yang telah diisi beserta dokumen-dokumen berkenaan yang telah **DISAHKAN** dan dihantar dalam tempoh **2 MINGGU** dari tarikh permohonan dihantar secara online ke alamat berikut:

**LEMBAGA TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT**
**NEGERI PULAU PINANG,**
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,**
**PARAS 29, KOMTAR,**
**10503 PULAU PINANG**

"Malah, menurut Pentadbiran Maklumat Tenaga Amerika Syarikat, hampir 35 peratus daripada permintaan gas asli dunia (pada masa itu) akan datang dari rantau Asia. Sebab itu, kami (UOP) memilih Pulau Pinang," katanya pada Majlis Pelancaran Loji Baru UOP di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut telah disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beribu pejabat di Illinois, Amerika Syarikat, UOP merupakan pembekal gas asli terkemuka dunia dengan pemilikan lesen dalam menjalankan proses teknologi, pemangkin, penyerapan, pemprosesan dan perkhidmatan perundingan kepada penapisan petroleum, petro-kimia serta gas industri.



**PARA pelawat diberi penerangan berhubung peranan UOP dalam membekalkan gas asli dunia bersempena Majlis Pelancaran Loji Baru UOP di sini baru-baru ini.**

# Dasar jangka panjang pengurusan sisa pepejal ditetap

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG PERAI** – Menyedari hakikat bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) menghadapi pelbagai kekangan pada aspek pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, pihak berkenaan telah mengambil inisiatif khas untuk menambahbaik pentadbiran tersebut dengan penetapan dasar jangka panjang, *Intergrated Solid Waste Management Policy*.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, selain kekangan dari segi undang-undang dan peraturan, PBT juga berhadapan dengan masalah sumber kewangan, tenaga manusia, perancangan menyeluruh dan aplikasi teknologi dalam pengurusan sisa pepejal dalam kedua-dua aspek berkenaan.

"Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kini menjadi cabaran besar kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana tahap perkhidmatannya akan menentukan tahap kebersihan dan pembangunan yang mampan di sesebuah negeri.

"Justeru, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk dikecualikan daripada program penswastaan persekutuan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (APSPPA). Setelah memperoleh persetujuan daripada pihak terbabit (kerajaan persekutuan), PBT perlu memastikan dapat menguruskan perkhidmatan ini sehingga mencapai KPI kebangsaan," ujarnya semasa menyempurnakan Majlis Menandatangani Perjanjian Pengurusan Stesen Pemindahan Ampang Jajar di sini baru-baru ini.



CHOW Kon Yeow.

Sebagai tambahan, tambah beliau, PBT juga mengambil langkah bekerjasama dengan pihak swasta untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan aplikasi teknologi pengurusan rangkaian sisa pepejal dari penjanaan, pengangkutan serta rawatan dengan berkesan.

"Tambahan pula, kita (PBT) telah mengambil ikhtiar untuk menggalakkan penglibatan masyarakat awam, komuniti setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sekolah melalui Agenda Tempatan 21 (LA 21) bagi membawa perubahan minda dalam mencapai kejayaan berhubung penjagaan alam sekitar," jelas Kon Yeow lagi.

## MPPP & MPSP gunasama stesen pemindahan sisa

**SEBERANG PERAI** – Ekoran pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang, Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar dijadikan lokasi gunasama pelupusan sisa pepejal bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Sebelum ini, bagi MPPP, pelupusan adalah dilakukan di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung bahagian pulau Pulau Pinang di sini.

Yang DiPertua (YDP) MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, ekoran 'perkongsian' tersebut, secara purata, Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar menerima dan memproses 500 ton bahan (sisa pepejal) dengan 220 trip pengangkutan dari MPSP dan 650 ton dengan 300 trip (MPPP) setiap hari.

"Stesen tersebut beroperasi 24 jam sehari dan 365 hari setahun. Malah, bagi melancarkan perjalanan operasi, penyusunan waktu telah dilakukan bagi mengelak pertembungan penerimaan sisa pepejal dari kawasan pulau iaitu MPPP dengan MPSP.

"Waktu operasi bagi MPSP adalah bermula dari jam 7 pagi hingga 7 malam, manakala waktu operasi bagi MPPP bermula jam 7 malam hingga 7 pagi berikutnya," jelasnya.

Beliau berkata demikian semasa ucapan sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Pengurusan Stesen Pemindahan Sisa Ampang Jajar di Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Jelas beliau lagi, stesen pembinaan di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar adalah untuk dijadikan tempat pengumpulan dan pemampatan sisa pepejal yang dikutip dari kawasan Seberang Perai Utara (SPU) serta sebahagian kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) sebelum dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burung untuk proses pelupusan.



MAIMUNAH Mohd. Sharif.



# Negeri sasar 25 emas SUKMA XV

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU UBAN –** Kehangatan Sukan Malaysia (SUKMA) ke-XV semakin terasa. Kontinjen Pulau Pinang yang terdiri daripada 433 atlit, pengurus pasukan dan jurulatih kini bersiap siaga menghadapi temasya paling berprestij negara.

Menurut Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Leong Theng Choon, acara 10 hari yang bermula 7 Julai ini bakal menyaksikan 24 acara sukan dipertandingkan.

"Kita (MSNPP) menghantar atlit berprestasi tinggi ke acara SUKMA kali ini supaya mereka (atlit-atlit) dapat menimba pengalaman dan ilmu sebagai persediaan dalam menghadapi kejohanan akan datang pada tahun 2014 kelak.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri, MSNPP dan ibu bapa yang sentiasa menjadi tulang belakang ke arah pemantapan sukan," ujar Theng Choon pada majlis sidang media di pejabat MSNPP di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, pada SUKMA ke-XIV lalu di Kuala Lumpur, kedudukan Pulau Pinang telah meningkat empat tangga ke kedudukan ke-6 berbanding kedudukan pada kejohanan sama sebelumnya di Melaka.

"Bagi SUKMA kali ini, kita mensasarkan 25 pingat emas, 20 pingat perak dan 23 pingat gangsa daripada 1,207 jumlah pingat yang dipertandingkan.



LEONG Theng Choon.

"Bukan senang untuk sesiapa saja bergelar juara, perlu disiplin, rajin berlatih dan sentiasa dahagakan kemenangan.

"Sokongan dari persatuan-persatuan sukan dan ahli keluarga terutama ibu bapa amat kritikal dalam mencorak pemikiran atlit-atlit muda," ujar Kok Fooi yang turut berpendapat bahawa dorongan positif dan berterusan mampu melahirkan atlit yang bukan sahaja berbakat, malah, mampu menjadi jaguh sukan bertaraf global.

Tambah Kok Fooi lagi, fasiliti dan pusat latihan sukan di Pulau Pinang adalah amat terhad.

Pada masa sama, beliau memberitahu bahawa timbul juga isu perpindahan atlit kerana peruntukan dan kekurangan fasiliti di sini.

"Walau bagaimanapun, ianya tidak melunturkan semangat juang atlit-atlit negeri untuk bertanding. Pulau Pinang masih mampu bersaing dengan jayanya.

"Saya berharap kontinjen Pulau Pinang akan meraih kejayaan di SUKMA ke-XV kelak. Selamat maju jaya. Gempur! Gempur! Gempur!," ulas Kok Fooi.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota merangkap Ahli Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (AJKMMK) Belia & Sukan, Lau Keng Ee; ADUN Sungai Pinang, Koid Teng Guan dan Timbalan Pengerusi II, Jawatankuasa Pengurus MSNPP, Datuk Ong Poh Eng.

# P. Pinang ke arah mesra penyusuan susu ibu

**GEORGE TOWN –** Sempena sambutan Hari Ibu 2012, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Mother to Mother Peer Support* (MMPS) telah menganjurkan Kelas Khas Penyusuan Ibu dan Bayi secara percuma selaras dengan saranan serta hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai *Breastfeeding Friendly State*.




**LYDIA Ong Kok Fooi (berdiri, dua dari kiri) bersama-sama ahli jawatankuasa MMPS menunjukkan sepanduk Kelas Khas Penyusuan Ibu dan Bayi di sini baru-baru ini.**

Seramai 60 peserta hadir mengikuti kelas penyusuan yang diadakan di Pusat Informasi, Taman Perbandaran di sini. Mereka bukan sahaja terdiri daripada ibu-ibu yang masih menyusukan bayi, malah, turut dihadiri warga emas yang memberi sokongan kepada anak dan cucu mereka serta bersama berkongsi pengalaman masing-masing.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi berkata, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM50,000 bagi mempromosikan kebaikan penyusuan, di samping mengadakan bengkel, seminar dan program-program berkaitan ibu dan bayi.

"Kita (Kerajaan Negeri) sekarang dalam langkah merangka untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai *Baby Friendly State* dan mempromosikan kebaikan susu ibu," ujar Lydia dalam sidang medianya di sini baru-baru ini.

Sementelahan, pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang kelas tersebut antaranya taklimat oleh Pakar Pediatrik dan Perunding Laktasi MMPS, Dr. Balkees Abdul Majeed; demonstrasi penyusuan, interaksi ibu dan bayi, pengurusan masa bagi ibu-ibu yang masih menyusukan bayi, peranan suami apabila isteri masih menyusu dan perkongsian pengalaman.

Kelas penyusuan yang pertama kali seumpamanya diadakan itu dilihat sebagai inisiatif jitu Kerajaan Negeri dengan kerjasama MMPS dalam mewujudkan suasana harmonis antara ibu dan bayi.

# P. Pinang mampu jadi harapan belia

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**JURU -** Status Pulau Pinang yang diiktiraf sebagai negeri ke-8 paling selamat untuk didiami di Asia dan negeri paling selamat untuk diduduki di Malaysia baru-baru ini diharap dapat memberi harapan serta manfaat kepada belia terbanyak di negeri berkenaan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa merasmikan majlis penutupan Karnival Meriah Belia Pulau Pinang 2012 baru-baru ini.

"Saya mengharapkan agar belia-belia pada hari ini teruslah berusaha untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dan selamat di hari muka," ujar beliau di *Concept Hall, Autocity*, di sini.

Turut berucap pada karnival itu, Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen, barisan pemimpin utama Majlis Belia Negeri Pulau Pinang serta wakil pertubuhan gabungan belia setempat turut hadir pada majlis tersebut.

Guan Eng berkata, dasar-dasar Kerajaan Negeri dalam memartabatkan ilmu, menyuburkan kebebasan bersuara serta membina iklim ekonomi yang memberangsangkan sebenarnya memberi peluang kepada belia di negeri berkenaan.

Justeru, beliau menyeru seluruh belia supaya merebut peluang dan ruang secara sihat di negeri berkenaan.

"Semoga terus maju jaya dan sukses pada masa hadapan," ujar beliau.

Pameran motosikal berkuasa tinggi, acara bertempur *paintball*, pameran audio kereta, kejohanan futsal, acara sepak raga bulatan serta persembahan kebudayaan antara aktiviti menarik dalam karnival tersebut.



**KETUA Menteri dan Lydia Ong Kok Fooi (hadapan, empat dari kanan) memalu gong sebagai gimik perasmian penutup Karnival Meriah Belia Pulau Pinang 2012 di *Concept Hall, Autocity*, di sini baru-baru ini.**

# Pengusaha ikan kering gelama berdaya saing dan kreatif

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**SEMANGAT** dan ketekunan Abdul Hadi Edar, 66, dalam mempelbagaikan produk jualan seperti kicap, sos cili, sos tomato, cuka dan belacan selain penghasilan ikan kering adalah amatlah dikagumi.

Malah, kesungguhan beliau dalam memasarkan produk-produk keluarannya sendiri juga perlu dicontohi usahawan-usahawan muda kini.

"Orang kita berniaga malu, segan! Kita kena berani, tak malu walaupun dimarah," tegasnya kepada Buletin Mutiara (BM) yang berkunjung ke kediaman beliau yang juga menjadi lokasi memproses produk ikan kering di Jalan Baru, Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan (SPS) di sini.

Menceritakan pengalaman beliau, selain pasaran tempatan, produk-produk yang dihasilkan turut dipasarkan di kawasan peneroka (felda) di Jengka, Pahang olehnya sendiri sebelum ini.

"Masa tu tahun 80-an dan kawasan peneroka terletak agak pendalaman sehinggakan susah untuk para penduduk mendapatkan bekalan ikan khususnya.

"Saya akan ke sana sebulan sekali dan meluangkan masa tiga hari untuk menjual produk-produk keluaran saya sendiri. Bagi memperluaskan pasaran sedia ada, saya juga mendekati peniaga-peniaga runcit di sana (Jengka) untuk 'menumpang' jualan produk-produk berkenaan," jelasnya yang sebelum ini pasaran produk beliau hanya tertumpu di pasar-pasar malam di Sungai Chenaam, Sungai Acheh, Sungai Kuala Haji Ibrahim, SPS.

Tidak dinafikan, pada peringkat permulaan, peruncit-peruncit memberikan sambutan dingin kepada Abdul Hadi. Malah, beliau sering kali juga disindir.

"Kadang-kadang saya bawa ikan, mereka (peruncit) pandang pun tak mahu. Setelah puas tawar-menawar, tauke kedai hanya membenarkan saya meletak lima bungkusan ikan kering.

"Walaupun tidak memadai dengan penat lelah (memproses serta perjalanan ke Jengka), saya sabar dan tanpa disangka nilai kesabaran akhirnya membuahkan hasil apabila permintaan terhadap produk semakin meningkat dari semasa ke semasa," ujar beliau yang dikurniakan tujuh cahaya mata.

Bagaimanapun, ekoran usia Abdul Hadi yang semakin meningkat, beliau terpaksa menghentikan 'lawatannya' ke Jengka. Kini, bekalan dihantar kepada seorang pembekal di Bukit Mertajam. Selain itu, produk ikan kering juga dihantar ke Kuala Lumpur, Perak dan lain-lain negeri oleh pihak ketiga.

Mengulas lanjut mengenai penghasilan ikan kering, Abdul Hadi menjelaskan bahawa prosesnya adalah amat mudah. Langkah pertama adalah isi perut ikan-ikan yang bakal digunakan dibuang sebelum diletakkan garam. Ikan-ikan tersebut kemudian masing-masing direndam di dalam bekas khas dan dibasuh sebanyak tiga kali. Akhir sekali, ikan-ikan tersebut dijemur selama tiga hari.


ABDUL Hadi Edar memasukkan bungkusan ikan kering yang dibeli ADUN Sungai Bakap, Maktar Shapee (tengah) sambil diperhatikan Pegawai Penyelaras KADUN Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar (kanan sekali).

"Saya tidak tiru resipi dari mana-mana. Saya tengok orang buat, saya cuba dan ia terus berhasil walaupun ia adalah cubaan pertama. Begitu juga dengan penghasilan belacan," katanya sambil menjelaskan bahawa ikan yang digunakan adalah ikan gelama dan ikan duri.

Bagi Abdul Hadi, cabaran utama yang dihadapi dalam industri tersebut adalah pada musim hujan. Ini adalah kerana beliau tidak mempunyai modal yang cukup untuk mendapatkan ketuhar besar bagi tujuan pengeringan ikan-ikan berkenaan.

"Selain itu, saya juga menghadapi masalah logistik yang mana produk-produk dihasilkan tidak dapat dihantar ke lokasi-lokasi tertentu walaupun terdapat permintaan semasa," kata beliau.

Abdul Hadi menjelaskan, permintaan terhadap produk ikan keringnya adalah tinggi, namun, beliau terpaksa redha bahawa penghasilan produk adalah bergantung sepenuhnya kepada bekalan ikan yang ditempah dari nelayan Sungai Udang, SPS.

"Perlu dijelaskan bahawa ikan kering adalah berlainan dengan ikan masin yang lebih lembab dan bergaram," ujarnya lagi.

Untuk tempahan, hubungi :
**Abdul Hadi Edar**
**No. 1608, Jalan Baru,**
**Sungai Acheh, 14310**
**Nibong Tebal,**
**Seberang Perai Selatan,**
**Pulau Pinang.**
**013 – 444 4265**


RUPA bentuk ikan kering ketika dijemur.


IKAN gelama dan ikan duri yang direndam untuk dijadikan produk ikan kering.


IKAN kering yang telah sedia untuk dibungkus.


ABDUL Hadi Edar.

# Mekanik basikal profesional negara idam cipta jenama basikal sendiri

**MINAT** mendalam serta sikap beliau yang sukakan cabaran membuatkan anak muda berusia 29 tahun ini tidak renggang dengan basikal. Mula menceburi diri secara serius dalam arena berbasikal ketika mewakili negeri dalam temasya Sukan Malaysia 2004, kini, beliau merupakan seorang mekanik basikal profesional bertaraf antarabangsa.

Ikuti temubual eksklusif wartawan Buletin Mutiara (BM), **AINUL WARDAH SOHILLI** dan jurugambar, **MOHD. HAFIZ TAJUDIN** bersama mekanik basikal profesional, **MOHD. FAIZAL ABD. WAHAB** di bengkel basikal beliau, *Dreamwerkz Cycle* di Jalan Perak, di sini.

**BM : Mungkin Faizal boleh berkongsi pengalaman serta sedikit sebanyak pembabitan dalam arena berbasikal ini sehingga berjaya menjadi mekanik basikal profesional di peringkat antarabangsa.**

**MOHD. FAIZAL (FAIZAL) :** Saya mula menceburi diri dengan basikal sejak di bangku sekolah lagi. Zaman budak-budak suka sangat main kayuh basikal, lumba basikal kat (di) kawasan rumah. Alhamdulillah, keluarga pun sokong sehingga tercetus minat yang sangat mendalam dengan basikal ini.

Sampai satu tahap, lepas tamat persekolahan, saya kerja dengan salah sebuah kilang basikal. Dari situ, saya belajar asas pembuatan, tatacara penyelenggaraan dan kenali komponen-komponen basikal. Masa kerja kat kilang ini, saya ulang alik dari Seberang Perai ke bahagian pulau Pulau Pinang dengan mengayuh basikal. Semua kerana minat, sanggup kayuh setiap hari walaupun cuaca terik. Orang kata minat mengatasi segalanya.

Lepas lima tahun, saya buka perniagaan sendiri, *Dreamwerkz Cycle*. Lebih dari 10 tahun berkecimpung dalam arena basikal ini sama ada sebagai pekerja di kilang basikal, pelumba basikal, mekanik basikal dan kini menjadi pengedar untuk produk basikal berjenama *Pipedream Cycle* dari United Kingdom.




GAMBAR kenangan ketika bersama Pasukan *LeTua Cycling* tahun lalu.

**BM : Apakah pencapaian tertinggi dan kejayaan yang Faizal capai sehingga kini?**

**FAIZAL :** Bagi saya, menyertai Pasukan *Pure Black Racing* (PBR) dari New Zealand merupakan pencapaian tertinggi kini. Malah, pasukan PBR baru-baru ini telah menjadi juara keseluruhan perlumbaan *Tour de Borneo*.

Banyak saya pelajari dengan PBR. Antaranya pengurusan masa, pengurusan ketika pelumbaan, penyusunan perlumbaan dan penyelenggaraan. Bekerja dengan pelumba basikal profesional bertaraf global juga memberi peluang untuk saya belajar sesuatu yang baru. Bukan sahaja melalui pengalaman mereka (pelumba profesional), malah, dapat kenalan yang sama-sama mempunyai minat dengan basikal.

Dalam pada itu, bengkel dimiliki kini juga merupakan antara pencapaian terbaik saya sehingga kini. Bengkel ini mengkhususkan kepada perkhidmatan penyelenggaraan terutama kategori '*mountain bike*' dan '*racing bike*'. Bukan mudah menyelenggara basikal-basikal ini, bukan sahaja kerana komponen dan peralatan yang kompleks, tetapi juga kerana harga basikal itu sendiri.

**BM : Bagi mereka yang berminat untuk mengetahui tentang basikal pula, apa pandangan dan harapan Faizal?**

**FAIZAL :** Mudah saja, kalau punya tahap '*passionate*' (minat) yang tinggi, apa sahaja, bukan sahaja basikal, boleh dipelajari dan diceburi. Kelayakan untuk berkecimpung dengan basikal ini bermula dengan minat.

Sebab itu, di sini (bengkel), saya letak majalah-majalah berkaitan basikal. Saya juga akan berkomunikasi dan berkongsi pengalaman serta minat saya dengan pelanggan. Tak ada minat apa pun tak boleh.

**BM : Apakah harapan dan iltizam Faizal dalam arena ini?**

**FAIZAL :** Minat saya sebenarnya tidak terhad untuk baiki basikal dan penyelenggaraan sahaja, tapi, saya juga bercita-cita untuk adakan label saya sendiri. InsyaAllah, kalau berpeluang saya akan cipta basikal saya sendiri.

Selain itu, kalau boleh saya memang nak (hendak) kongsi pengetahuan saya dalam bidang ini dengan anak-anak muda di Malaysia. Sebabnya saya boleh katakan hampir tiada langsung anak-anak muda yang serius atau mempunyai minat untuk menceburi bidang mekanik profesional ini (basikal). Memang susah nak cari.

Kalau boleh, wujudkan subjek khas dalam kemahiran penyelenggaraan basikal seperti negara-negara Eropah lain yang ada institut khas berbasikal. Dari situ, kita boleh pupuk minat anak-anak muda tempatan dan jadikan minat itu sebagai kerjaya profesional. Ramai yang tidak tahu, mekanik basikal sebenarnya mempunyai pasarannya tersendiri dan '*value*' (nilai) yang tinggi.

**BM : Jadi Faizal, apa pandangan Faizal tentang usaha Kerajaan Negeri mewujudkan laluan berbasikal khas di sini?**

**FAIZAL :** Bagus. Saya rasa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai geometri dan dimensi terbaik di Malaysia. Laluannya ideal, ada laluan berbukit, laluan atas jalan dan laluan lasak.

Memandangkan bahagian pulau ini terdapat laluan yang terbaik dan kita mampu galakan orang ramai untuk berbasikal, saya rasa ia mampu memberi impak yang besar dalam bidang ini.

Selain itu, ia merupakan langkah terbaik untuk pelancongan sukan di Pulau Pinang. Tambahan dengan adanya *Bike Park* seperti di Sungai Ara, saya rasa akan ada ramai pelumba atau penggiat sukan ekstrem berbasikal akan datang ke sini (Pulau Pinang) dan menyumbang ke arah kemajuan ekonomi dan kerancakan pelancongan sukan negeri.



MOHD. Faizal Abd. Wahab menjadikan cenderahati diterima daripada pelumba profesional sebagai pembakar semangat untuk terus berkecimpung dalam arena mekanikal basikal.



PEMERIKSAAN komponen pemasangan basikal yang lengkap menjadi sebahagian rutin di *Dreamwerkz Cycle*.

# Peniaga jual tapak gerai dipantau

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Ekoran tindakan segolongan peniaga yang mengambil kesempatan menyewakan gerai atau tapak penjaja diperoleh (dari MPPP) kepada pihak ketiga, Pegawai Kesihatan Awam (PKA) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal mengadakan lawatan serta pemeriksaan harian di lokasi-lokasi di sini bagi mengelakkan penularannya.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong, kejadian tersebut dipercayai berlaku ekoran kadar sewa rendah antara RM30 hingga RM100 yang dikenakan MPPP bagi tapak kompleks makanan, tapak penjaja dan tapak penjaja sementara mengikut kategori yang ditetapkan.



ONG Ah Teong (tengah) bersama Ahli Majlis MPPP, Lim Cheng Hoe (kiri) dan Lim Siew Khim (kanan) menunjukkan senarai peniaga yang diberikan tapak berniaga pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Mereka (peniaga) bukan sahaja menyewakannya kepada orang lain dengan harga lebih mahal, malah, ada segelintir yang sengaja membiarkan tapak tersebut kosong tanpa menjalankan sebarang perniagaan.

"Sebagai tindakan lanjut, pemantauan harian akan dijalankan dan sekiranya dikesan berhubung salah laku berkenaan termasuk mempunyai tunggakan tiga bulan sewaan, lesen yang diberikan akan ditarik balik atau dibatalkan," ujarnya pada sidang media di Dewan Bandaraya Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, pada tahun 2010, program pemutihan telah dijalankan terhadap masalah berbangkit tersebut.

"Program tersebut bertujuan memberi peluang kepada peniaga menjelaskan sewaan tertunggak dan berbincang dengan MPPP. Kini, kita (MPPP) akan lebih fokuskan kepada pemantauan secara serius agar perkara yang sama tidak berulang.

" Saya ingin menasihatkan kepada peniaga yang memohon, sekiranya mereka (peniaga) benar-benar tidak mampu menjalankan perniagaan, tapak atau gerai tersebut boleh diserahkan kembali kepada MPPP untuk dipertimbang serta diberikan kepada penjaja lebih layak," ujarnya kepada wakil Buletin Mutiara.

# JPJ, SPAD diminta ambil serius isu teksi



STEVEN Sim (kiri sekali) bersama Mohd. Zaki Omar (dua dari kanan), Abdul Malik Saad (kanan sekali) serta ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Pemandu-Pemandu Kereta Sewa/Teksi Summit di sini mengadakan perbincangan berhubung masalah dihadapi baru-baru ini.

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

**BUKIT MERTAJAM –** Prihatin dengan masalah dihadapi pengusaha kecil teksi, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Steven Sim telah hadir melawat pejabat Persatuan Pemandu-Pemandu Kereta Sewa/ Teksi di Summit di sini bagi membincangkan segala kekusutan yang melanda golongan berkenaan baru-baru ini.

Semasa perjumpaan tersebut, Steven berjanji akan mendapatkan peruntukan berkenaan beberapa permohonan dikemukakan setiausaha persatuan, Abdul Malik Saad bagi mengindahkan kawasan perhentian teksi yang didapati sudah usang.

Selain itu, pengerusi persatuan, Mohd. Zaki Omar turut membangkitkan beberapa masalah dihadapi ahli-ahli termasuk kehadiran van dan kereta sapu yang beroperasi tanpa permit di sekitar sini.

"Persatuan telah berulangkali membuat aduan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), tetapi masalah ini masih belum selesai," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Lanjutan itu, Steven menyeru agar kedua-dua kementerian terlibat mengambil serius masalah dihadapi kerana aktiviti kereta sapu tanpa permit bukan sahaja mengancam mata pencarian pengusaha kecil teksi, malah, operasi haram yang tiada seliaan turut mendatangkan bahaya kepada penumpang serta pengguna jalan raya lain.

"Saya berharap agar penguatkuasaan lebih ketat akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa terutama pada hari-hari cuti kerana kebanyakan kenderaan sapu ini banyak membawa pekerja-pekerja migran pada hari kelepasan.

"Pada masa sama, orang ramai juga dinasihatkan supaya hanya menggunakan perkhidmatan kenderaan sewa ataupun teksi yang berdaftar sahaja," tegas Steven lagi.

# Paramotor & senamrobik pelengkap anjuran TPOF12

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Sempena *5th Tourism Promotion Organization Forum 2012* (TPOF12) yang bakal berlangsung pada 5 September hingga 7 September ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) selaku tuan rumah telah mengambil inisiatif menganjurkan sukan luncur udara bermotor membabitkan penerbangan paramotor dan senamrobik di Esplanade, Jalan Padang Kota Lama pada 1 Julai ini di sini.

Menurut Pengarah Jabatan Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha, seramai 11 penerbang paramotor akan beraksi pada hari tersebut sambil membawa bendera-bendera khas merentasi beberapa lokasi tumpuan seperti Tanjung Pinang, kuil Kek Lok Si, Air Itam, Komtar dan Kota Cornwallis di sini.

"Selain itu, kita juga akan mengadakan senamrobik yang bakal diterajui Jeorge Subramaniam dan Mansor Mat dari Persatuan Kesihatan dan Kecergasan Fizikal Pulau Pinang.

"Kita menjangkakan penyertaan seramai 2,000 peserta dan t-shirt percuma (terhad kepada 2,000 peserta) turut disediakan pada pagi penganjuran," ujar Akbar yang turut kagum dengan semangat dan usaha yang ditunjukkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menjayakan TPOF12.

Akbar berkata demikian pada majlis sidang media bagi mengumumkan penganjuran sukan luncur udara bermotor bersempena TPOF12 di sini baru-baru ini.

Pulau Pinang telah mencatat sejarah apabila terpilih menjadi tuan rumah TPOF12. Seramai 68 Datuk Bandar (*City Mayor*) dan 32 ahli perindustrian pelancongan (*Tourism Industry Members*) dijangka akan berada di Bandaraya George Town bersempena penganjuran tersebut.

Dalam pada itu, Akbar memberitahu bahawa beliau amat yakin MPPP dengan sokongan Kerajaan Negeri dan NGO mampu menjadikan penganjuran TPOF12 sebagai suatu yang signifikan dan terbaik.

Beliau dalam pada itu menzahirkan ucapan terima kasih kepada ahli paramotor professional negara, Kapten (B) Datuk Barry K.K Tan dan Tan Chee Kuang di atas kesudian mereka mengetuai acara paramotor yang bakal menjadi salah satu daya tarikan kepada golongan belia khususnya.



TAN Chee Kuang (kiri) menunjukkan cara-cara dan ciri-ciri keselamatan paramotor sambil disaksikan Barry K.K. Tan (kanan) pada majlis sidang akhbar bagi mengumumkan mengumumkan penganjuran sukan luncur udara bermotor bersempena TPOF12 di sini baru-baru ini.

Bagi yang ingin menyertai acara senamrobik, boleh hubungi Cheng Beng Lock di talian 016 - 413 2881 untuk prapendaftaran.

# MPPP target rancangan bandar tersusun

**GOERGE TOWN –** Rancangan menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar yang terancang, moden dan mampan sedang dipergiatkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini.

Yang Dipertua MPPP, Ar. Patahiyah Ismail berkata, objektif perancangan tersebut dirancang untuk mewujudkan satu suasana kerja, bermain dan hidup dalam satu bandar yang sama.

"Contohnya seperti Mumbai, India di mana 33 peratus daripada penduduknya tinggal di kawasan setinggan. Sungguhpun begitu, mereka (penduduk Mumbai) sedang berusaha ke arah perancangan bandar yang lebih tersusun dan mampan menjelang 2015,'' katanya pada ucaptama Majlis Tayangan *Urbanized Documentary* di sini baru-baru ini.

Tambah Patahiyah, perancangan bandar yang jitu bergantung kepada keupayaan menguruskan bandar dan juga memerlukan penyertaan aktif badan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat setempat.

"Jadi adakah ianya mustahil buat kita? Sekiranya 40 tahun lalu kira-kira 75 peratus daripada penduduk dunia tinggal di bandar, kini, ianya telah mencatatkan pengurangan kepada kira-kira 40 peratus sahaja.

"Untuk itu, kita (MPPP) perlu berusaha ke arah perancangan bandar yang lebih tersusun, sistematik, cekap, selamat, mampan dan moden di masa depan," ujarnya.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute*, Zairil Khir Johari.



**ANTARA visual dokumentari sebuah bandar tersusun lengkap dan moden yang dipertontonkan pada Majlis Tayangan *Urbanized Documentary* di sini baru-baru ini.**




**CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada salah seorang peserta sambil diperhatikan Ar. Patahiyah Ismail (dua dari kanan) dan Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) pada Forum Pengukuhan Integriti Untuk Ahli Majlis PBT Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

# Forum integriti PBT lahirkan pemimpin berjiwa rakyat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Dalam membudayakan kepimpinan cekap, amanah, dan telus dalam proses pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebuah Forum Pengukuhan Integriti Untuk Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri telah berlangsung dengan jayanya baru-baru ini di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, forum yang berlangsung itu bertujuan menjana semangat berterusan dalam agenda kepimpinan berteraskan prinsip-prinsip keadilan, kebebasan dan hak asasi manusia.

"Kepimpinan berkualiti adalah kepimpinan yang bersih. Setiap pemimpin haruslah berkhidmat secara intrinsik untuk memajukan masyarakat, mempertahankan hak pembayar cukai dan menjadi penghubung di antara undang-undang dengan rakyat. Dengan ini, barulah pemimpin berjiwa rakyat mampu dilahirkan," katanya ketika merasmikan Forum Pengukuhan Integriti Untuk Ahli Majlis PBT Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Jelas Kon Yeow lagi, urus tadbir yang baik atau kerajaan yang baik perlulah dijiwai oleh setiap pemimpin dan Ahli Majlis.

"Pada asasnya, setiap kerajaan perlu ditadbir mengikut prinsip demokrasi dan kejujuran. Ianya penting dalam memastikan toleransi sifar terhadap sebarang bentuk penyelewengan," ujarnya.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ar. Patahiyah Ismail, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Shariff dan Pengarah Sektor Politik Institut Integriti Malaysia (IIM), Mohd. Ismail Abd. Jalil.

# Jendela Pelanggan MPPP diteruskan

**GEORGE TOWN –** Program Jendela Pelanggan tetap akan diteruskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada hari Jumaat minggu ketiga setiap bulan demi mendapat reaksi langsung orang awam di negeri berkenaan.

Penolong Pegawai Tadbir (Perhubungan Awam) MPPP, Roslinawati Mohd. Rashid berkata, orang awam lebih berminat menghubungi MPPP melalui e-mel atau telefon berbanding datang ke aras empat, Komtar, di sini untuk bertemu secara langsung dengan pegawai berwajib.

"Kita (MPPP) sedar, orang ramai lebih berminat menggunakan e-mel atau hubungi talian yang kita sediakan, tetapi sesetengah yang lain lebih berpuas hati apabila datang ke Komtar dan berinteraksi secara langsung dengan pegawai," ujar beliau kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, program bulanan baru-baru ini menerima enam aduan daripada orang awam.

"Aduan yang diterima antaranya isu dahan pokok tak dicantas, anjing liar di kawasan perumahan awam," ujarnya.

Beliau memberitahu, semua aduan kes yang tidak membabitkan teknikal akan diselesaikan dalam masa tiga hari. Manakala kes yang membabitkan teknikal, selalunya dikeluarkan notis berwajib dan langkah tersebut akan dimaklumkan kepada pelanggan berkenaan.

Jendela Pelanggan diperkenalkan pada 11 Ogos 2001, iaitu setiap Sabtu bermula pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari dan apabila Sabtu ditetapkan sebagai cuti pada 2005, program itu diubah pada Jumaat dalam waktu bekerja.



**SUASANA interaksi mesra dan langsung antara orang awam dan pegawai MPPP dalam Program Jendela Pelanggan di sini baru-baru ini.**

# Mangsa ribut kencang dibantu segera



ABDUL Halim Hussain (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan Kerajaan Negeri kepada salah seorang mangsa ribut di sini sambil ditemani Mohd. Tuah Ismail (empat dari kiri) dan Halil Sabri Hamid (kiri sekali) baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BALIK PULAU –** Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain baru-baru ini mengadakan lawatan dan ziarah ke tiga buah kampung dilanda ribut kencang di sini.

Beliau yang mengadakan lawatan dan ziarah bersama Pegawai Penyelaras Kawasan DUN (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid turut menyampaikan sumbangan pendahuluan Kerajaan Negeri kepada mangsa-mangsa berjumlah RM20,000.

"Sumbangan tersebut adalah merangkumi 32 buah rumah di ketiga-tiga kampung.

"Selain itu, Ketua Menteri turut memberi sumbangan peribadi juga dari Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya (PDTBD) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," ujar Abdul Halim di sini baru-baru ini.

Bersempena itu, beliau turut meninjau kerja-kerja pemotongan dahan-dahan pokok, pembersihan kawasan terjejas serta menyantuni mangsa-mangsa ribut berkenaan.

Baru-baru ini, sebanyak 22 buah rumah di Kampung Terang, Kampung Perlis (6) dan Kampung Genting (4) rosak teruk dan musnah rentetan ribut kencang.

"Kalau kita tengok, pelbagai kerosakan dan kemusnahan yang terpaksa ditanggung mangsa.

"Alhamdulillah, tindakan pantas anggota Penguatkuasa (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) dan pimpinan masyarakat serta negeri sekurang-kurangnya dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh mangsa," tambah Abdul Halim yang turut berterima kasih kepada pegawai-pegawai PDTBD, JKM dan MPPP yang turut serta membantu mangsa.

# Dekati rakyat bukan bermusim - Mansor



PARA pengunjung tidak melepaskan peluang mendapatkan khidmat pemeriksaan kesihatan percuma bersempena penganjuran Program Mesra Rakyat 2012 peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.

**PENAGA -** "Mendekati masyarakat bukan bermusim, tetapi harus rajin dan ikhlas," ujar Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman ketika merasmikan Program Mesra Rakyat 2012 peringkat Daerah Seberang Perai Utara di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, program seumpama itu perlu bukan hanya untuk mendekati masyarakat tetapi juga bagi memastikan masyarakat desa menerima maklumat yang benar dan tepat berkaitan Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain yang menjadi tuan rumah program berkenaan turut berpendapat bahawa penganjuran aktiviti sebegitu harus dirancakkan dan bukannya diadakan sempena pilihanraya sahaja.

Bagi PPK Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad, beliau memberitahu bahawa Program Mesra Rakyat bukan sahaja membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali pimpinan negeri, malah, turut membolehkan orang ramai mengetahui saluran yang betul ketika berurusan dengan jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan.

PPK Bertam, Asrol Sani Abdul Razak menyatakan bahawa program seumpama itu harus diadakan secara bulanan di seluruh negeri Pulau Pinang.

Program Mesra Rakyat 2012 yang diadakan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Penaga menerima kunjungan lebih 1,000 pengunjung. Program sehari tersebut turut diselitkan dengan pelbagai aktiviti antaranya sukaneka, pemeriksaan kesihatan percuma, acara untuk wanita dan kaum ibu, ceramah motivasi dan pameran dari agensi-agensi kerajaan.

Pada masa sama, program turut diserikan dengan penampilan istimewa bekas vokalis kumpulan Melissa, Radzi Abdul Hamid dan rombongan berbasikal KADUN Bertam seramai 100 orang.

Selain jawatankuasa penganjur (Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara, PDTSPU), program turut dihadiri Pegawai Daerah SPU, Jusni Ismail dan Ketua Penolong Pegawai Daerah SPU, Hakmal Effendi Ishak.

# Bumbung guru al-Quran dibaiki

**PENANTI –** Sempena Program Mesra Rakyat baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Datuk Mansor Othman telah mengadakan lawatan ke kediaman seorang guru al-Quran di Kampung Mengkuang Titi yang mengalami kerosakan bumbung di sini.

Atas keprihatinan beliau yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri I, Mansor dengan berbesar hati telah menaja pembaikan bumbung di kediaman guru al-Quran terbabit, Haji Mat Isa.

"Bumbung tu (tersebut) agak usang dan berlubang-lubang (bocor) sana sini.

"Selain membantu Mat, pendekatan kita (Kerajaan Negeri) adalah untuk keselesaan anak-anak murid yang datang untuk mengaji kat (dekat) sini," ujar beliau yang turut serta bertukang membaiki bumbung berkenaan.

Program Mesra Rakyat adalah anjuran Pusat Khidmat ADUN Penanti dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di kediaman pelancongan desa Mengkuang Titi.

Program tersebut bertujuan mendekati rakyat dan membuka ruang kepada masyarakat desa untuk mengetahui dengan lebih mendalam dasar-dasar serta program dianjurkan Kerajaan Negeri.



MANSOR Othman turut sama bergotong-royong membaiki bumbung usang dan rosak di kediaman Haji Mat Isa di sini baru-baru ini.

# Bantuan diberi tanpa mengira kaum

**PRIHATIN...** Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Ayer Tawar baru-baru ini telah mengadakan lawatan mingguan ke beberapa buah rumah di Jalan Berlian, Bagan Ajam di sini bagi menyampaikan sumbangan hamper.

Pegawainya, Salehin Mohamed berkata, sumbangan hamper tersebut telah diserahkan kepada 30 buah keluarga yang kurang bernasib baik termasuk warga emas, golongan kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal.

Di samping itu, beliau turut menyatakan bahawa lawatan mingguan tersebut adalah untuk mendekati masyarakat setempat dan menyantuni mereka yang kurang bernasib baik.

Salah seorang penerima, J. Catherine, 55, terharu dengan sumbangan tersebut dan berterima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam membela nasib mereka yang kurang bernasib baik terutama ibu-ibu tunggal.

Lawatan mingguan dari rumah ke rumah itu turut ditemani oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bagan Ajam, Ismail Jemani dan beberapa ahli jawatankuasa JKKK Telok Ayer Tawar.



SALEHIN Mohamed (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan hamper kepada S.Muniamal (tiga dari kanan), 74, sempena lawatan mingguan beliau di sini baru-baru ini.

## Terap budaya sukan sambil riadah

**SANTAI...** Sebanyak 24 pasukan amatur yang terdiri daripada empat individu bagi setiap pasukan telah menyertai Kejohanan Boling Piala YB Datuk Hj Salleh Man bagi merebut hadiah kejohanan bernilai RM2,500 di *Ampang Superbowl*, kompleks membeli-belah Summit, Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

Program anjuran Persatuan Penduduk Taman Koperasi Guru, Bukit Mertajam tersebut berjaya menampilkan Pasukan KS Bowl sebagai johan kejohanan. Pasukan tersebut berjaya membawa pulang wang tunai RM500 dan piala. Manakala bagi pasukan Kampung Sama Gagah (naib johan) dan pasukan Bam-Bam Bum (ketiga) masing-masing membawa pulang wang tunai RM300 dan RM200 berserta medal kejohanan.

Menurut Mohd. Salleh yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, kejohanan tersebut membolehkan beliau mendekati penduduk setempat di samping menerapkan budaya bersukan ke arah kesihatan unggul.



MOHD. Salleh Man tidak melepaskan peluang beriadah bersama para peserta dalam Kejohanan Boling Piala YB Datuk Hj Salleh Man di sini baru-baru ini.

## Galeri Guar Kepah bakal rancakkan pelancongan Penaga



**TIMBALAN Ketua Menteri I, Mansor Othman (kiri sekali) mendengar penjelasan daripada wakil penyelidik arkeologi Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM ketika lawatan beliau ke tapak prasejarah Guar Kepah di sini baru-baru ini. (*Gambar fail mansorothman.blogspot*).**

**PENAGA -** Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain mengajak penduduk Penaga untuk sama-sama menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam merancakkan sektor pelancongan dan warisan di Pulau Pinang terutamanya di Dewan Undangan Negeri (DUN) ini.

Seruan tersebut adalah ekoran penemuan sekumpulan penyelidik arkeologi dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Univesiti Sains Malaysia (USM) yang juga telah menjalankan kajian semula ke atas tapak penempatan prasejarah di kawasan tersebut yang ditemui oleh seorang pengkaji Inggeris G.W. Earl (1860).

Menurut Rosidi, ekoran penemuan tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM3.8 juta bagi mewujudkan sebuah Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah di Lot 3471, Mukim 2, di sini.

"Alhamdulillah, kelak penduduk Penaga mendapat manfaat dari pembinaan galeri tersebut.

"Mereka (penduduk Penaga) bukan sahaja boleh merancakkan perniagaan mereka, malah, juga dapat mempromosikan produk-produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang diusahakan kini," ujar beliau ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, pembinaan galeri tersebut juga bakal menjadi pakej pelancongan yang menarik dan merancakkan lagi status Bandar Warisan Dunia – George Town.

# BN Hilang Modal & Terus Buat Fitnah :

| FITNAH UMNO | FAKTA BENAR |
|---|---|
| Penjualan tanah Bayan Mutiara dibuat secara rundingan. | Tender terbuka dijalankan dan tidak diberikan kepada kroni. |
| Hasil penjualan tanah Bayan Mutiara tidak bermanfaat kepada rakyat. | RM500 juta diperuntukkan untuk membina rumah mampu milik bermutu yang terbaik di Malaysia agar golongan tidak berada boleh hidup dengan bermaruah. |
| Harga jualan RM240 sekaki persegi terlalu rendah kerana boleh dijual dengan harga RM420 sekaki persegi. | Harga tender terbuka untuk semua. Cabar UMNO beli dengan RM420 sekaki persegi tapi UMNO tidak berani terima. |
| Rancangan pembinaan terowong ke Balik Pulau. | Tiada rancangan langsung. |
| Anti-Bahasa Malaysia kerana minta pelajar boikot Utusan Malaysia dan Berita Harian. | Minta pelajar pilih Sinar Harian (SH) yang lebih benar daripada Utusan Malaysia dan Berita Harian yang pandai sebarkan fitnah anti-PR. Bukankah SH suratkhabar Bahasa Malaysia? |
| Konspirasi besar kerana Ketua Menteri menerima kunjungan hormat Ahli Parlimen wanita PAP. | Mengapa tiada konspirasi apabila Ahli Parlimen wanita PAP turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Wanita UMNO? |
| Ketua Menteri cakap tidak perlukan undi kaum India. | Bukti video menunjukkan bahawa Ketua Menteri mahu dan hormat semua kaum termasuk kaum India. |
| Kerajaan Negeri roboh rumah kampung orang Melayu. | Tiada sebuah rumah kampung pun dirobohkan oleh Kerajaan Negeri sebaliknya koperasi yang dipengerusikan UMNO robohkannya. |

**Ketua Menteri telah menang saman malu terhadap Utusan Malaysia sebanyak RM 250 ribu atas fitnah jahat beliau anti-Islam, anti-Melayu.**